

MEMAHAT LEKUKAN SEJARAH

Sebuah Travelog BERSIH 2.0

9 Julai 2011
2.00 ptg | Kuala Lumpur



0.9595
MEM

Editor:
Riduan Mohamad Nor

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MEMAHAT LEKUKAN SEJARAH

Sebuah Travelog BERSIH 2.0

9 Julai 2011
2.00 ptg | Kuala Lumpur



Editor:
Riduan Mohamad Nor

PUSTAKA PERDANA



1008884

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



ISBN: 978-967-5968-12-9

MELAKAR LEKUKAN SEJARAH

© Riduan Mohamad Nor

Cetakan Pertama (Edisi Diperbaharui): Julai 2011

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Editor:

Riduan Mohamad Nor

Rekabentuk Kulit & Rekaletak:

-HS artwork inc-

Penerbit

JUNDI RESOURCES (1706325-W)

No. 6, Lot 2756

Lorong Padang Balang 8, Padang Balang

51100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

Tel: 019-372 8844, 017-205 5183

Emel: akhi_karim84@yahoo.com

Laman Web: www.tintajundi.com

Dicetak oleh

PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD

No. 18 & 20, Jalan 4/10B

Spring CRST Industrial Park

68100 Batu Caves Selangor



Kandungan

- Kata Pengantar v
- Bersih 2.0; Merakam Peristiwa Di Langit Kota 1
Oleh: Riduan Mohamad Nor
- Bersih 2.0; Mengapa Ambiga? 13
Oleh: Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz
- Provokasi Keterlaluan Terhadap Bersih 2.0 23
Oleh: Nasrudin bin Hassan
- Dari Tingkat 14 Hotel Dekat Stadium Merdeka 31
Oleh: Ahmad Lutfi Othman
- Jangan Berfikir Seperti Ghadaffi 37
Oleh: Subky Latif
- Catatan Seorang Peserta Cina:
Saya Rasa Selamat Bersama Orang PAS 53
- Dr. Hatta, Wira Bersih 57
Oleh: Nyza Ayob
- Temubual Bersama Dato' Dr Chua Jui Meng 65
Oleh: Intan Abdullah
- Abdul Razak Endut 71
Oleh: Intan Abdullah
- Bersih, Sekali lagi 75
Oleh: Wan Intan Fadzillah Wan Masor

- A. Samad Said; Ikon Kebangkitan Golongan Muda 81
Oleh: A. Shukur Harun

- Bersih 2.0; Pengorbanan yang Bermakna 95
Oleh: Zahiruddin Zabidi

- Lagi Catatan Seorang Peserta Cina
Saya Terpegun Melihat Polis Memukul Melayu 101


- Bersih 2.0;
LRT Salak Selatan, 6.55 pagi - 9 Julai 2011 107
Oleh: Akhi Fairuz Al-Jengkawi

- Aku Dan Jersi Kuning Brazil 125
Oleh: Abdul Rahman Mohd Ali dan Riduan Mohamad Nor

- 9 Julai; Aku, Mat Sabu dan Polis 139
Oleh: Mohamed Hanipa Maidin

- Bersih 2.0; Di Antara Menghempuk dan Menjentik 145
Oleh: Khalid Samad

- Lensa BERSIH 151



Prolog

Alhamdulillah, segala puji kita panjatkan kepada Tuhan yang telah memberikan kepada kita dengan nikmat Iman dan nikmat Islam. Selawat buat junjungan kepada ar Rasul SAW yang telah menunjukkan kepada kita keteladanan yang mulia di jalan dakwah. Baginda adalah tokoh perubahan yang mendobrak kegelapan dan kezaliman jahiliah, seterusnya melakar sebuah ketamadunan serta menjadi cerminan mulia kepada ummah, segunung contoh kepada insan yang melanjutkan usaha menegakkan agama Allah SWT. Tidak lupa kepada seluruh para pejuang yang telah memahat sejarah dengan kubangan darah, lelehan keringat dan airmata untuk menyediakan dunia yang indah untuk kita miliki.

Travelog ini diluncurkan kepada khalayak untuk menjiwai gejolak jiwa tertindas, dengan kezaliman yang semakin membunyah. Juga untuk meluaskan ufuk pembacaan generasi muda di negara ini, untuk apa sebuah harga pengorbanan yang ditunjukkan dalam bantahan awam paling sengit di negara ini yang terakam di langit sejarah. BERSIH 2.0 merupakan kempen untuk menuntut pemulihan demokrasi yang sedang rabak di negara ini yang tenatnya setanding dengan Zimbabwe dan Myanmar. Bantahan awam ini semenjak awal lagi dimomok sebagai 'rancangan untuk menggulingkan kerajaan secara revolusi', maka tindakan keras daripada pihak keselamatan tak terjangkau dek

akal, seolah Malaysia diambang peperangan.

Sebelum berlangsung BERSIH 2.0, riuh geger watan ini menyaksikan tangkapan demi tangkapan yang tidak munasabah. Gangguan kepada ceramah dan program-program penerangan, adegan kejar mengejar kepada pemakai baju kuning. Sangat melucukan politik tanahair dua minggu sebelum berlangsungnya BERSIH 2.0. BERSIH mendapat liputan percuma setiap malam dan ini telah menambahkan keinginan anak muda untuk berpartisipasi dalam proses memulihkan ruang demokratik di negara ini.

Buku ini menggabungkan pelbagai penulis dengan pengalaman yang berbeza, menuang pengalaman yang diperolehi dan menuangkannya di atas lembaran-lembaran kertas untuk dikunyah oleh pembaca. Pengalaman adalah untaian ilmu yang dihirup seumur hidup, tanpa jemu dan lelah terus mengejar manusia. Ia juga adalah guru yang paling berharga, maka atas justifikasi inilah, mengapa penerbit merasakan pengalaman mahal ini wajib dirakamkan untuk tatapan generasi akan datang.

Anak-anak muda adalah manusia yang wajib bersentuhan dengan ilmu dan pengalaman semaksimal mungkin, juga memugar akal dengan pembacaan yang pelbagai dimensi dan pelbagai cakupan genre dan jalur idea. Buku ini membicarakan apakah itu BERSIH, pendokongnya serta pengalaman yang disorot daripada pelbagai dimensi. Bertepatan dengan latar masa hari ini yang menyaksikan perang saraf yang sedang menyelimuti negara ini siang dan malam. Semua warga harus bersuara dengan kudrat yang tersisa, bukan lagi malu alah disintuk limau, tersorok di sudut-sudut tersembunyi. Golongan anak muda yang akan mewarisi negara ini mestilah mengambil peranan, memikul tanggungjawab untuk mendepani cabaran yang semakin rencam, dengan gertakan yang semakin ganas daripada penguasa. Generasi digital era langit terbuka negara ini wajib berpecah di jalan juang bagi memastikan lembayung rahmat dan keadilan akan memayungi tanahair ini pada masa akan datang.

Buku catatan travelog ini diharapkan dapat menjadi artifak yang merakamkan aksara sejarah yang pernah dilakar, menjadi bahan bacaan berharga untuk puluhan tahun akan datang. Seterusnya, memancing dan menggoda anak-anak muda untuk menjulang api semangat dan mengucur keringat di atas jalan perjuangan yang membara sifatnya untuk memurnikan nusa yang semakin tenat ini .Penerbit merasakan penulis-penulis yang bergabung dalam catatan ini telah merasai denyut nadi kebangkitan rakyat yang cukup luar biasa sifatnya dalam tempoh lebih separuh abad kemerdekaan negara. Pelbagai anak bangsa dan agama telah merapatkan saf, berganding bahu menggemakan laungan perubahan, berdada dengan kezaliman yang pongah seperti yang terakam dalam sketsa BERSIH 2.0. Buku travelog ini akan membantu pembaca untuk memahami lekukan sejarah yang dilakar oleh sang pemberani. Selamat membaca teman!

Terima Kasih.

Haji Riduan Mohamad Nor

Kuala Lumpur



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA